

# Isa mahu dapatkan minit mesyuarat lembaga pengarah

➔ Permohonan berhubung saman babitkan pembelian kondominium mewah di Troika, Persiaran KLCC

Oleh Farah Marshit  
Abdul Patah  
farahmarshita@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**T**an Sri Mohd Isa Abdul Samad akan memfailkan permohonan bagi mendapatkan dokumen berhubung minit mesyuarat Lembaga Pengarah FGV Holdings Berhad dan kelulusan pembelian kondominium mewah di Troika, Persiaran KLCC yang didakwa dibeli pada harga yang lebih tinggi daripada pasaran.

Permohonan penzahiran dokumen itu adalah berhubung saman menuntut ganti rugi sebanyak RM7.69 juta membabitkan pembelian kondominium mewah berkenaan, yang difailkan FGV terhadap bekas pengerusinya, Mohd Isa dan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan syarikat itu, Datuk Mohd Emir Mavani Abdullah.

Peguam, Joshua Goh Shang Yi,

yang mewakili Mohd Isa ketika ditemui media memberitahu permohonan itu akan difailkan dalam minggu ini.

**11 Februari pengurusan kes** Katanya, permohonan itu difailkan memandangkan anak guamnya perlu mendapatkan dokumen syarikat, terutama minit mesyuarat lembaga pengarah dan kelulusan pembelian kondominium itu, yang kini tidak boleh diakses selepas Mohd Isa meletak jawatannya sebagai pengerusi syarikat berkenaan, dua tahun lalu.

"Sehubungan itu, mahkamah menetapkan 11 Februari ini untuk pengurusan kes," katanya selepas pengurusan kes di dalam kamar di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Farah Shuhada Ramli, semalam.

Pada 30 November tahun lalu, FGV dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia berkata, pihaknya memulakan tindakan undang-undang terhadap Mohd Isa dan Mohd Emir Mavani dengan menuntut



Keratan akhbar BH  
8 Januari lalu.



Permohonan itu difailkan memandangkan anak guam perlu mendapatkan dokumen syarikat, terutama minit mesyuarat lembaga pengarah dan kelulusan pembelian kondominium itu, yang kini tidak boleh diakses selepas Mohd Isa meletak jawatannya sebagai pengerusi syarikat berkenaan, dua tahun lalu"

Joshua Goh Shang Yi,  
Peguam Isa

lebih RM7.69 juta dalam bentuk ganti rugi.

Saman itu berhubung pengambilalihan oleh FGV terhadap dua unit kondominium mewah yang terletak di Troika di 19, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur.

## Pemilikan salah

FGV mendakwa, bahawa pemerolehan itu juga dibuat tanpa usaha kewajaran yang sepatutnya dan kegunaan serta pemilikan unit Troika yang salah dan/atau tanpa kebenaran kedua-dua defendan.

Saman itu juga berkaitan dengan pengambilalihan oleh syarikat terhadap beberapa kereta dan penyalahgunaannya oleh Mohd Emir, termasuk penyalahgunaan faedah petrol.

FGV berkata, ia menuntut ganti rugi terhadap defendan, termasuk RM4.54 juta untuk jumlah pengambilalihan, penggunaan dan pemilikan unit Troika, RM3.14 juta berhubung perkongsian kereta dan RM10.84 juta bagi faedah petrol terhadap Mohd Emir.